

FPP BizNewz

January – May 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**Mengapa Pelaburan
Emas Menjadi Pilihan?**

Telur Mana Telur?

*you
are
what
matters*

**An Affair of Online
Learning and Covid-19**

**Pembasmian Kemiskinan Dalam RMK
Ke-12**

Bukit Harimau Menangis
Tarikan Pendakian di Kemaman



Publication Date
30 June 2022

Photo by Marek Levák on Unsplash



¹Wan Mardiana Wan Musa, ²Nur Dalila Adenan, ²Nur Shafini Mohd Said,

²Siti Rapidah Omar Ali, ²Suhaily Maizan Abdul Manaf

¹Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Malaysia

²Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Malaysia

Bahagia.

Mendengar perkataan bahagia sahaja kita sudah boleh tersenyum dan membayangkan kegembiraan. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, bahagia bermaksud suasana tenang dan aman, aman damai serta gembira. Sebagai contoh, "maka hiduplah mereka berdua dengan aman". Bahagia juga membawa erti berbahagia beruntung, kesenangan hidup, kemujuran, keberuntungan.

Masa kini, dalam dunia yang serba pantas, perasaan bahagia sering dikaitkan dengan keberuntungan, sebagai contoh, bahagia kerana memiliki rumah besar, bahagia kerana

"Bahagia juga membawa erti berbahagia beruntung, kesenangan hidup, kemujuran, keberuntungan."

memandu kereta mewah, bahagia kerana berhasil mendapat projek berjuta-juta, bahagia dapat bercuti keluar negara secara mewah, dan semuanya dipaparkan di laman media sosial semasa. Definisi bahagia masa kini lebih kepada material dan apa yang ditayangkan kepada masyarakat terutamanya melalui media sosial. Tidak dapat dinafikan pengaruh media sosial masa kini merupakan kuasa yang kuat dalam kalangan masyarakat.

Jika tanda aras kebahagiaan adalah material semata-mata, bererti sangat ramai

manusia di dunia ini yang tidak bahagia. Memetik pernyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, Covid-19 menyebabkan hampir 580,000 isi rumah daripada kumpulan M40 beralih kepada B40. Kerajaan juga menganggarkan jumlah kemiskinan isi rumah di Malaysia telah meningkat daripada 405,000 pada 2019 kepada 640,000 pada tahun 2020. Jadi adakah mereka yang tergolong dalam golongan tersebut semuanya tidak bahagia?

Sebenarnya, material

bukanlah perkara pokok bagi mengecap kebahagiaan. Paling utama ialah membentuk minda bahagia, tanpa mengira situasi hidup kita. Bagaimana membentuk minda bahagia?

Menurut Zuhairi Nopiah, dalam buku beliau yang berjudul 'Percaya Sebelum Berjaya', untuk berjaya, seseorang itu hendaklah percaya bahawa dia boleh berjaya. Untuk membentuk kepercayaan, amat penting seseorang itu untuk bersangka baik. Dalam hal ini, bersangka baik terhadap Allah dan kuasa Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, Maha Pemberi, Maha Memakbulkan Doa. Sama halnya dalam konteks bahagia. Kita kena percaya yang kita boleh bahagia.

Mengambil contoh seorang sahabat yang telah berkahwin dengan suami yang kaki pukul. Walaupun suaminya seorang yang berharta dan romantik, tetapi apabila marah, suaminya akan mula mengangkat tangan. Dia seringkali datang ke pejabat dengan wajah yang lebam-lebam dan luka. Selepas melahirkan anak yang kedua, perangai suaminya semakin menjadi-jadi malah mulai pasang dua di luar. Akhirnya dia nekad meminta fasakh. Ternyata, kehidupan sebagai ibu tunggal lebih membahagiakannya

"Untuk membentuk kepercayaan, amat penting seseorang itu untuk bersangka baik."

berbanding semasa mempunyai suami.

Seterusnya, untuk bahagia, amat penting untuk kita sendiri mengawal minda kita. Arah minda untuk mengawal perasaan agar tidak terbawa-bawa dengan masalah. Latih diri untuk tidak mengikut emosi dan lebihkan berfikir secara rasional apabila menghadapi sesuatu masalah. Menurut Diyana Tahir (seperti yang dinyatakan dalam Nopiaz, 2019), orang bahagia bukanlah orang yang sentiasa mendapatkan yang terbaik, tetapi sentiasa menerima apa yang berlaku adalah yang terbaik.

Perlu diingat, perasaan kita adalah tanggungjawab kita. Orang lain tidak bertanggungjawab terhadap apa yang kita rasa walaupun perasaan yang datang itu adalah hasil daripada tindakan mereka terhadap kita. Orang lain boleh mengata apa sahaja untuk menyakitkan hati kita, atau menjatuhkan kita tetapi kita yang mengawal bagaimana kita mahu menghadapi kata-kata mereka mahupun perbuatan mereka terhadap kita. Sebenarnya, tindakan kitalah yang akan menentukan samada kita

bahagia atau menderita.

Akhir kalam, minda bahagia ini datang dari dalam diri kita sendiri dan sebagai seorang muslim, minda bahagia boleh dibentuk apabila kita sentiasa meletakkan kebergantungan kepada Yang Maha Esa. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 186;

"Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu (Muhammad) tentang Aku, maka sesungguhnya Aku sangat dekat. Aku kabulkan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu."

Penulisan ini diadaptasi daripada siaran langsung Facebook Wan Mardiana #sayalayakbahagia Siri 1.



BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com